

**7 HINGGA 9 FEBRUARI 2023**

**UG01/23 : KURSUS ASAS PENGENDALIAN PELBAGAI PERALATAN UKUR**

Kursus Asas Pengendalian Pelbagai Peralatan Ukur telah dilaksanakan pada 7-9 Februari 2023. Kursus ini disertai seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan awam seperti guru (Kolej Vokasional, Sri Iskandar), pejabat perhutanan, JUPEM Melaka, Institut Latihan Perindustrian Mersing, pejabat tanah dan Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar.

Pada kali ini, kursus asas pengendalian peralatan ukur telah memperkenalkan alat-alat ukur seperti GNSS, hidrografi, ukur aras dan teleskop. Selain itu, pendedahan terhadap cabang-cabang ukur juga diterangkan kepada peserta.

Barisan penceramah dalaman yang terlibat adalah Sr Norfariza binti Zainal, Sr Zakaria bin Abdullah, Sr Fazili Anuar bin Md Yusuf, Sr Abdul Fatah bin Ibrahim dan Tn Hj Md Issa bin Abdul Hai. Manakala, Encik Muhammad Husni bin Othman dan Encik Mohd A'bduh bin Jailani merupakan fasilitator kursus.

Pihak urusetia mengharapkan agar para peserta memperoleh ilmu yang bermanfaat daripada kursus ini. Pihak kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada peserta diatas kerjasama yang diberikan sepanjang kursus.



